
DATE : December 21, 2011
CLIENT : SILK HOLDINGS BERHAD
MEDIA : UTUSAN MALAYSIA
TASK : NEWS RELEASE
SECTION : BISNES
PAGE : 22
COLOUR : FULL COLOUR

Lebuh raya Kajang-SILK catat 50 juta

KAJANG 20 Dis. - SILK Holdings, pengendali Lebuh Raya Kajang-SILK mencatatkan sejarahnya tersendiri apabila berjaya mencapai jumlah pengguna lebuh raya sebanyak 50 juta pada hari ini.

Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Mohd. Azlan Hashim dalam kenyataannya berkata, kejayaan itu merupakan pencapaian signifikan kepada syarikat tersebut.

Lebuh Raya Kajang-SILK memberi kemudahan sambungan rangkaian lebuh raya termasuk PLUS, Besraya dan Grand Saga sejak 2004 dan menambah hubungan dengan Lebuh Raya Kajang-Seremban, Lebuh Raya Lembah Kelang Selatan (SKVE).

Azlan menambah, lebuh raya itu hanya digunakan sebanyak 47,000 kenderaan sehari ketika beroperasi pada 2004 dan kini bertambah kepada 150,000 buah kenderaan pada hari ini.

“Lebuh raya ini telah menyaksikan pertumbuhan trafik dua digit sejak beberapa tahun kebelakangan ini,” tambah beliau.